

**Kenyataan Dasar**  
**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**  
**1/2018**

Date: 11 Julai 2018

**Perkembangan Ekonomi Global dan Serantau**

1. International Monetary Fund (IMF) menjangkakan pertumbuhan ekonomi global pada kadar 3.9% tahun-ke-tahun bagi tahun 2018, berbanding dengan kadar 3.8% pada tahun 2017. Perkembangan ekonomi global kekal menggalakkan pada suku pertama 2018, dengan peningkatan yang ketara di Amerika Syarikat dan perkembangan ekonomi yang stabil bagi Zon Eropah dan Jepun. Manakala ekonomi di United Kingdom pula akan meningkat pada tahap sederhana disebabkan situasi Brexit yang masih belum dapat dipastikan. Pertumbuhan ekonomi di China pula terus kukuh dan India juga mencatatkan perkembangan ekonomi yang baik setelah pulih dari kesan penyahwangian (*demonetisation*) serta reformasi cukai barangan dan perkhidmatan.
  
2. Keyakinan para pelabur di pasaran kewangan masih menunjukkan ketidakstabilan dan masih dipengaruhi oleh perdagangan global yang tidak pasti serta risiko-risiko geopolitik. Harga-harga komoditi juga semakin pulih disebabkan oleh kestabilan harga minyak mentah yang terhasil daripada pengurangan inventori minyak mentah, pemotongan bekalan di kalangan negara-negara Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (OPEC) serta negara-negara bukan ahli OPEC dan juga perkembangan geopolitik. Walaupun terdapat sedikit kebimbangan mengenai bekalan yang terlalu tinggi, harga gas cecair asli masih kukuh dan didorong sepenuhnya oleh permintaan global dan juga ketegangan geopolitik.

3. Beberapa bank-bank pusat utama terus menormalisasikan dasar-dasar moneteri masing-masing. Dengan perkembangan ekonomi yang berterusan serta pasaran buruh yang kukuh di Amerika Syarikat, Federal Reserve telah memutuskan untuk menaikkan kadar faedah pada bulan Jun 2018. Federal Reserve dijangkakan akan meningkatkan lagi kadar faedah pada tahun ini. Di samping itu, European Central Bank akan terus mengurangkan pembelian aset sehingga hujung bulan Disember 2018. Di sebaliknya, Bank of England berkemungkinan akan mengekalkan dasar moneteri mereka yang sedia ada pada masa ini. Manakala sebahagian bank-bank pusat di Asia pula, pada umumnya dijangka akan meningkatkan kadar faedah. Peningkatan kadar faedah global boleh menjadi satu risiko jangka masa terdekat bagi negara-negara yang mempunyai tahap hutang berdenominasi matawang asing yang tinggi.

### **Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

4. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga tetap telah meningkat sebanyak 5.2% tahun-ke-tahun pada suku ke empat 2017. Peningkatan tersebut adalah disebabkan oleh perkembangan sektor minyak dan gas dan peningkatan projek-projek pelaburan langsung asing. Sektor minyak dan gas telah berkembang sebanyak 9.1% tahun-ke-tahun pada harga tetap, disebabkan oleh peningkatan dalam pembuatan gas cecair asli sebanyak 30.6% tahun-ke-tahun dan metanol sebanyak 41.8% tahun-ke-tahun. Pengeluaran minyak telah menurun pada suku ke-empat 2017. Sektor bukan minyak dan gas pula telah meningkat sebanyak 0.3% tahun-ke-tahun di suku ke-empat bagi tahun 2017. Sumbangan yang terbesar ialah daripada peningkatan pengangkutan melalui air, sejajar dengan perkembangan eksport gas cecair asli. Di samping itu, sektor pembinaan yang telah meningkat sebanyak 15.0% tahun-ke-tahun juga telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang antarlainnya disebabkan oleh pembinaan jambatan Temburong dan pembangunan di Pulau Muara Besar. Secara keseluruhan bagi tahun 2017, ekonomi Negara Brunei Darussalam telah meningkat sebanyak 1.3% tahun-ke-tahun, mengakhiri pertumbuhan negatif selama empat tahun berturut-turut

sebelum ini. Pertumbuhan ekonomi pada tahun 2017 telah didorong oleh pelaburan swasta dan pengeksportan minyak dan gas. Ini mungkin menandakan pemulihan ekonomi yang beransur-ansur. Berdasarkan harga semasa, sumbangan sektor kewangan adalah 6.1% daripada keseluruhan KDNK bagi tahun 2017.

5. Dasar fiskal Negara Brunei Darussalam terus kekal berhemat di samping mengekalkan sokongan terhadap pertumbuhan ekonomi dan produktiviti. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga terus mengutamakan inisiatif-inisiatif modal insan negara dan pembangunan kluster-kluster ekonomi. Manakala bajet bagi tahun kewangan 2018/2019 berjumlah BND5.3 bilion yang diumumkan semasa persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang ke-14 pada bulan Mac 2018 adalah jumlah yang sama seperti tahun kewangan 2017/2018.
6. Purata Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi tahun 2017 telah menurun sebanyak 0.2% tahun-ke-tahun. Walau bagaimanapun, IHP bagi bulan April 2018 telah meningkat sebanyak 0.4% tahun-ke-tahun, yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan, Pendidikan dan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan yang lebih tinggi. Peningkatan dalam harga Pendidikan adalah disebabkan oleh yuran persekolahan yang lebih tinggi pada awal tahun manakala peningkatan dalam harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan disumbang oleh harga barang kemas, jam dan barangan lain-lain. Kadar inflasi domestik dijangka stabil pada tahun ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, kadar inflasi global dijangka akan terus lembap dan ini akan menyebabkan tekanan inflasi yang diimport ke Negara Brunei Darussalam yang lemah. Kedua, adalah perubahan yang dibuat pada beberapa bulan yang lalu ke atas dasar monetari Monetary Authority of Singapore dengan meningkatkan kadar pertukaran matawang Singapura. Ini dijangka akan mengukuhkan lagi nilai matawang Negara Brunei Darussalam dan akan membantu dalam mengurangkan harga-harga barangan yang diimport. Ketiga, tekanan inflasi domestik juga dijangkakan stabil dengan pemulihan

ekonomi yang secara beransur-ansur. Oleh yang demikian, AMBD menjangkakan kadar inflasi domestik bagi tahun 2018 adalah di dalam lingkungan 0% hingga 1%, yang mana besar kemungkinan kadar inflasi akan berada di separuh bawah lingkungan tersebut.

## **Perkembangan Sektor Kewangan Negara Brunei Darussalam**

7. Sistem perbankan negara bertambah baik selaras dengan pemulihan ekonomi. Pada suku pertama 2018, jumlah keseluruhan aset dan deposit industri perbankan telah masing-masing meningkat sebanyak 1.3% tahun-ke-tahun kepada BND17.2 bilion dan 3.1% tahun-ke-tahun kepada BND14.7 bilion. Pinjaman/pembiayaan mencatatkan sedikit penurunan sebanyak 2.0% daripada BND5.2 bilion pada suku pertama 2017 kepada BND5.1 bilion pada suku pertama 2018. Penurunan tersebut adalah disebabkan oleh penyelesaian pinjaman/pembiayaan dari beberapa syarikat-syarikat korporat. Manakala sektor korporat utama yang menyumbang kepada penurunan pinjaman/pembiayaan ini ialah sektor infrastruktur dan juga pengangkutan. Peningkatan deposit pula adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah deposit pelanggan-pelanggan persendirian.
8. Kualiti aset industri perbankan telah menunjukkan pembaikan di mana agregat nisbah pembiayaan tertunggak bersih (*aggregate net non-performing loans/financing ratio*) telah menurun dari 2.8% pada suku pertama 2017 kepada 2.1% pada suku pertama 2018. Penurunan nisbah ini telah disumbangkan oleh sektor korporat iaitu sektor pembuatan, pengangkutan dan perdagangan.
9. Secara keseluruhan, sistem perbankan negara kekal berdaya tahan dengan *Capital Adequacy Ratio* yang kukuh, *Liquidity Ratio* yang tinggi dan *Profitability Ratio* yang bertambah baik walaupun dalam persekitaran ekonomi yang mencabar. *Aggregate Capital Adequacy Ratio* pada suku pertama 2018 adalah sebanyak 18.6%, iaitu melebihi keperluan minima

10% seperti yang dikehendaki dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Bank-bank di Negara Brunei Darussalam juga mempunyai tahap kecairan (*liquidity*) yang tinggi dengan nisbah *Liquid Assets-to-Total Asset* sebanyak 48.9% pada suku pertama 2018. Manakala, penunjuk agregat nisbah *Return on Assets* dan *Return on Equity* adalah masing-masing sebanyak 1.2% dan 8.6% pada suku pertama 2018.

10. Dalam mencapai objektif AMBD untuk menaiktaraf rangka kerja regulatori selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, AMBD juga telah meningkatkan keperluan bagi lantikan *Key Responsible Persons* dan *Persons in Control Functions* dalam Insurans dan Takaful berkuatkuasa pada 1 Januari 2018. Rangka kerja tersebut bertujuan bagi memastikan individu-individu yang berkenaan mempunyai kelayakan untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing, dan dengan itu syarikat berkenaan dapat dikendalikan dengan baik dan berhemat. Ini seterusnya akan dapat meningkatkan kepercayaan orang ramai dan mempelbagaikan usaha bagi perlindungan pemegang-pemegang polisi.
11. Biro Kredit AMBD telah melancarkan *Bureau Credit Score* secara rasmi kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan pada 16 April 2018. *Credit score* bagi Negara Brunei Darussalam diungkap dalam bentuk tiga angka, yang mempunyai julat angka di antara 215 hingga 570. Seseorang individu yang mempunyai *credit score* yang tinggi menunjukkan beliau ialah seorang peminjam yang mempunyai risiko kredit yang rendah, manakala *credit score* yang rendah menunjukkan sebaliknya. Berdasarkan repositori Biro Kredit, sebanyak 76.8% daripada jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam dijangka dapat diberikan *credit score* berkenaan yang justeru menandakan liputan populasi yang agak tinggi.
12. *Bureau Credit Score* yang dimuatkan ke dalam laporan kredit merupakan satu perkhidmatan nilai tambah yang dapat digunakan oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan sebagai satu alat penilaian kredit yang lebih objektif. Ini akan membantu bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan untuk membuat keputusan pinjaman yang lebih bermaklumat, dan untuk

meningkatkan lagi pengurusan risiko kredit mereka. Matlamat bagi memperkenalkan *Bureau Credit Score* adalah untuk memudahkan lagi akses kepada kewangan bagi individu dan entiti komersial, terutamanya bagi Perusahaan-Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Ini adalah selaras dengan inisiatif-inisiatif Kerajaan untuk menambahbaik iklim perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

13. Pada masa yang sama, *Bureau Credit Score* juga akan memupuk disiplin kewangan yang lebih tinggi dan menggalakkan tingkah laku meminjam yang bertanggungjawab dan beretika kepada orang ramai.

Sumber-sumber data:

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri